

**Laporan Para Pengarah  
berserta Penyata Kewangan  
31 Disember 2005**

## **PENYATA KEWANGAN**

---

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKASURAT</b>
Laporan Para Pengarah	122 - 124
Penyata Para Pengarah	125
Akuan Berkanun	125
Laporan Juruaudit	126
Penyata Pendapatan	127
Lembaran Imbangian	128
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	129
Penyata Aliran Tunai	130 - 131
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	132 - 153

# LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

## AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan.

Aktiviti-aktiviti utama Kumpulan ialah memberi perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak dan menjalankan perniagaan kemudahan bulking bagi minyak kelapa sawit, minyak makan, minyak sayuran, lemak dan produk-produk yang berkaitan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

## KEPUTUSAN

	Kumpulan RM	Syarikat RM
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	111,053,172	47,368,073

Tiada sebarang pemindahan yang penting kepada atau daripada akaun rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa tidak dipengaruhi secara besar oleh sebarang butiran, urusniaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa.

## DIVIDEN

Dividen bagi saham biasa yang dibayar atau diisyiharkan oleh Syarikat sejak 31 Disember 2004 adalah seperti berikut:

	RM
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 seperti yang ditunjukkan dalam laporan pengarah bagi tahun berkenaan:	
Dividen kasar terakhir 10 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 28% dibayar pada 1 Julai 2005	28,800,000
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005:	
Dividen kasar interim 10 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 28% dibayar pada 2 September 2005	28,800,000
Dividen kasar interim 5 sen sesaham, tolak cukai pendapatan 28% dibayar pada 30 Disember 2005	14,400,000

Para pengarah telah mencadangkan pembayaran dividen kasar terakhir 15 sen sesaham dan dividen kasar khas 5 sen sesaham ke atas 400,000,000 saham biasa, ditolak cukai pendapatan 28%, sebanyak RM43,200,000 dan RM14,400,000 masing-masingnya dimana, jika dilulus oleh ahli-ahli pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang akan datang, akan dibayar pada 31 Mei 2006 kepada para pemegang saham yang berdaftar sebagai ahli pada penutupan perniagaan pada 16 Mei 2006. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak menggambarkan dividen yang dicadangkan. Dividen tersebut, jika dipersetujui oleh para pemegang saham, akan diambilkira di dalam ekuiti sebagai keuntungan terkumpul boleh diagih dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006.

## PARA PENGARAH

Para pengarah yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lepas adalah seperti berikut:

Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin (Pengerusi)  
Dato' Shamsul Azhar bin Abbas  
Datuk Fong Joo Chung  
Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan  
Dato' Seri Dr. Hj. Arshad bin Hj. Hashim (dilantik pada 1 Disember 2005)  
Dato' Mohamad Norza bin Zakaria (dilantik pada 1 Disember 2005)  
Hashim bin Ismail (dilantik pada 1 Disember 2005)

## **PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)**

Ahmad Nizam bin Salleh (dilantik pada 17 Januari 2006)

Datuk Mohamed Adnan bin Ali (meletak jawatan pada 1 Disember 2005)

Tan Sri Dato' Sri Dr. Samsudin bin Hitam (meletak jawatan pada 1 Disember 2005)

Dato' Abdul Rahim bin Mokti (meletak jawatan pada 1 Disember 2005)

Dato' Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran (meletak jawatan pada 1 Disember 2005)

Subkey bin Abdul Wahab (meletak jawatan pada 1 Disember 2005)

## **MANFAAT PARA PENGARAH**

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, Syarikat tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya ialah bertujuan untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui pengambilalihan saham dalam, atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada pengarah telah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada ganjaran pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

## **KEPENTINGAN PARA PENGARAH**

Menurut daftar pemegangan saham para pengarah, tiada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat perbadanan yang berkaitan dalam tahun kewangan ini.

## **LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN**

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya:
  - (i) untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang rugu dan berpuashati bahawa tiada sebarang hutang lapuk diketahui dan tiada keperluan untuk membuat peruntukan hutang rugu; dan
  - (ii) untuk memastikan bahawa aset semasa yang mungkin tidak dapat dijual dalam perjalanan perniagaan biasa termasuk nilai-nilai yang ditunjukkan di dalam rekod-rekod perakaunan telah dikurangkan nilainya kepada hasilaku yang dianggap boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan:
  - (i) keperluan untuk menghapuskiraan hutang lapuk atau membuat peruntukan bagi hutang rugu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
  - (ii) nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang wujud bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang tidak diperkatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
  - (i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
  - (ii) sebarang liabiliti luarjangka Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para pengarah:
  - (i) tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti lain yang telah dikuatkuasakan atau mungkin akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas tahun kewangan berakhir, yang akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat untuk menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya kelak; dan
  - (ii) tiada perkara, urusniaga atau peristiwa ketara dan luar biasa yang berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin mempengaruhi secara berkesan keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

# LAPORAN PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

## JURUAUDIT

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah.

**Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin**

**Dato' Shamsul Azhar bin Abbas**

Kuala Lumpur, Malaysia  
23 Februari 2006

**PENYATA PARA PENGARAH**  
**MENURUT KEHENDAK SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin dan Dato' Shamsul Azhar bin Abbas, dua daripada para pengarah Bintulu Port Holdings Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 127 hingga 153 telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB yang berkenaan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2005 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah.

**Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin**

Kuala Lumpur, Malaysia  
23 Februari 2006

**Dato' Shamsul Azhar bin Abbas**

**AKUAN BERKANUN**

**MENURUT KEHENDAK SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Rambli bin Mashar, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Bintulu Port Holdings Berhad, dengan takzim dan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 127 hingga 153 adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan hemat mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya  
oleh Rambli bin Mashar di  
Kuala Lumpur di Wilayah Persekutuan  
pada 23 Februari 2006

**Rambli bin Mashar**

Di hadapan saya,  
Soh Ah Kau  
W315  
Pesuruhjaya Sumpah

# LAPORAN JURUAUDIT

## KEPADА PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 127 hingga 153. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat yang bebas, berdasarkan audit kami, mengenai penyata kewangan tersebut dan untuk melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak memegang tanggungjawab kepada mana-mana pihak yang lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit menurut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan material. Audit termasuk memeriksa, melalui asas ujian, bukti yang akan menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata-penyata kewangan. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan Diluluskan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang berkenaan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan:
  - (i) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2005 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod perakaunan dan lain-lain rekod, serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya di mana kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan subsidiari-subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang syarat dan tiada sebarang teguran perlu dibuat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

**Ernst & Young**  
AF: 0039  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
23 Februari 2006

**Habibah bte Abdul**  
No. 1210/05/06(J)  
Rakankongsi

**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

	<b>Nota</b>	<b>2005 RM</b>	<b>Kumpulan 2004 RM</b>	<b>2005 RM</b>	<b>Syarikat 2004 RM</b>
Perolehan	3	386,783,252	359,813,441	60,450,000	80,600,000
Lain-lain pendapatan	4	15,397,135	14,554,995	7,113,428	7,237,671
Kos Staf	5	(50,842,006)	(48,044,263)	(250,259)	(196,244)
Pelunasan muhibah		(981,224)	(981,224)	-	-
Sewa bot tunda		(4,930,084)	(5,207,522)	-	-
Susutnilai hartaanah, loji dan peralatan		(29,580,613)	(24,665,583)	(1,396)	(172)
Kos pengorekan		(14,033,366)	(15,462,919)	-	-
Bahan api, elektrik dan utiliti		(10,726,612)	(7,837,006)	(2,551)	(3,607)
Insurans		(4,534,414)	(4,857,629)	-	-
Sewa pajak kemudahan pelabuhan		(102,734,999)	(85,452,190)	-	-
Kerugian bagi hartaanah dalam pembinaan dan untuk dijual		-	(2,700,000)	-	-
Baik pulih dan penyelenggaraan		(11,378,356)	(10,284,016)	(4,045)	(141,596)
Kos stevedor		(4,631,259)	(4,181,360)	-	-
Lain-lain perbelanjaan operasi		(11,689,602)	(9,408,392)	(1,078,104)	(765,988)
Keuntungan sebelum cukai	6	156,117,852	155,286,332	66,227,073	86,730,064
Cukai	8	(45,064,680)	(43,596,314)	(18,859,000)	(24,473,163)
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		111,053,172	111,690,018	47,368,073	62,256,901
Pendapatan sesaham Asas (sen)	9	<u>27.76</u>	<u>27.92</u>		
Dividen sesaham biasa bagi tahun kewangan (sen)	10			<u>25</u>	<u>20</u>

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

# LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER 2005

	<b>Nota</b>	<b>2005 RM</b>	<b>Kumpulan 2004 RM</b>	<b>2005 RM</b>	<b>Syarikat 2004 RM</b>
<b>ASET TAK SEMASA</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	11	434,984,209	445,253,142	13,258	10,454
Pelaburan dalam subsidiari	12	-	-	309,999,998	309,999,998
Muhibah daripada pembelian	13	11,774,685	12,755,909	-	-
Aset cukai tertunda	21	776,000	-	-	-
		<b>447,534,894</b>	<b>458,009,051</b>	<b>310,013,256</b>	<b>310,010,452</b>
<b>ASET SEMASA</b>					
Hartanah dalam pembinaan dan untuk jualan	14	18,651,489	8,609,586	-	-
Penghutang perdagangan	15	20,849,334	19,419,414	-	-
Lain-lain penghutang	16	15,105,717	20,291,249	2,225,220	2,143,602
Cukai belum terima		200,813	82,522	200,813	82,522
Deposit jangka pendek	17	531,620,116	488,098,191	217,363,616	243,043,000
Tunai dan baki di bank		8,165,876	5,760,745	1,168,565	487,045
		<b>594,593,345</b>	<b>542,261,707</b>	<b>220,958,214</b>	<b>245,756,169</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Pembiutan	18	71,563,188	70,645,102	833,176	996,400
Cukai belum bayar		11,701,226	11,476,712	-	-
		<b>83,264,414</b>	<b>82,121,814</b>	<b>833,176</b>	<b>996,400</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>					
		<b>511,328,931</b>	<b>460,139,893</b>	<b>220,125,038</b>	<b>244,759,769</b>
		<b>958,863,825</b>	<b>918,148,944</b>	<b>530,138,294</b>	<b>554,770,221</b>
<b>Dibiayai oleh:</b>					
Modal saham	19	400,000,001	400,000,001	400,000,001	400,000,001
Rizab		523,498,716	484,445,544	130,138,293	154,770,220
<b>EKUITI PEMEGANG SAHAM</b>					
		<b>923,498,717</b>	<b>884,445,545</b>	<b>530,138,294</b>	<b>554,770,221</b>
<b>LIABILITI TAK SEMASA</b>					
Manfaat Persaraan	20	25,765,108	23,566,399	-	-
Liabiliti cukai tertunda	21	9,600,000	10,137,000	-	-
		<b>35,365,108</b>	<b>33,703,399</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
		<b>958,863,825</b>	<b>918,148,944</b>	<b>530,138,294</b>	<b>554,770,221</b>

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

# PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

	<b>Nota</b>	<b>Modal Saham RM</b>	<b>Premium Saham Tak Boleh Diagih RM</b>	<b>Keuntungan Terkumpul Boleh Diagih RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
<b>Kumpulan</b>					
Pada 1 Januari 2004		400,000,001	92,949,794	337,405,732	830,355,527
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	111,690,018	111,690,018
Dividen	10	-	-	(57,600,000)	(57,600,000)
Pada 31 Disember 2004		<u>400,000,001</u>	<u>92,949,794</u>	<u>391,495,750</u>	<u>884,445,545</u>
Pada 1 Januari 2005		400,000,001	92,949,794	391,495,750	884,445,545
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	111,053,172	111,053,172
Dividen	10	-	-	(72,000,000)	(72,000,000)
Pada 31 Disember 2005		<u>400,000,001</u>	<u>92,949,794</u>	<u>430,548,922</u>	<u>923,498,717</u>
<b>Syarikat</b>					
Pada 1 Januari 2004		400,000,001	92,949,794	57,163,525	550,113,320
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	62,256,901	62,256,901
Dividen	10	-	-	(57,600,000)	(57,600,000)
Pada 31 Disember 2004		<u>400,000,001</u>	<u>92,949,794</u>	<u>61,820,426</u>	<u>554,770,221</u>
Pada 1 Januari 2005		400,000,001	92,949,794	61,820,426	554,770,221
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	47,368,073	47,368,073
Dividen	10	-	-	(72,000,000)	(72,000,000)
Pada 31 Disember 2005		<u>400,000,001</u>	<u>92,949,794</u>	<u>37,188,499</u>	<u>530,138,294</u>

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

	<b>Nota</b>	<b>2005 RM</b>	<b>Kumpulan 2004 RM</b>	<b>2005 RM</b>	<b>Syarikat 2004 RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI</b>					
Keuntungan sebelum cukai		156,117,852	155,286,332	66,227,073	86,730,064
Pelarasan untuk:					
Kerugian rosotnilai harta tanah dalam pembinaan dan untuk dijual		-	2,700,000	-	-
Peruntukan bagi manfaat persaraan		3,753,744	3,682,175	-	-
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan		29,580,613	24,665,583	1,396	172
Pelunasan muhibah		981,224	981,224	-	-
(Keuntungan)/kerugian atas penjualan harta tanah, loji dan peralatan		(380,057)	191,898	-	-
Pendapatan faedah		(14,699,762)	(14,174,094)	(7,113,428)	(7,237,671)
Pendapatan dividen kasar		-	-	(60,450,000)	(80,600,000)
		<u>175,353,614</u>	<u>173,333,118</u>	<u>(1,334,959)</u>	<u>(1,107,435)</u>
Perubahan dalam modal kerja					
Harta tanah dalam pembinaan dan untuk dijual		(10,041,903)	50,000	-	-
Penghutang		3,471,725	42,893,943	(11,468)	(28,182)
Faedah persaraan dibayar		(1,555,035)	(327,675)	-	-
Pembiutang		(5,118,929)	9,456,690	(163,224)	(83,476)
		<u>162,109,472</u>	<u>225,406,076</u>	<u>(1,509,651)</u>	<u>(1,219,093)</u>
Cukai dibayar		(47,057,432)	(40,781,344)	(2,051,292)	(2,252,557)
Cukai dibayar balik		785,974	-	-	-
Aliran tunai bersih daripada/ (digunakan untuk) aktiviti-aktiviti operasi		<u>115,838,014</u>	<u>184,624,732</u>	<u>(3,560,943)</u>	<u>(3,471,650)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN</b>					
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	11	(13,422,096)	(83,775,514)	(4,200)	(10,626)
Langganan saham dalam subsidiari		-	-	-	(9,999,998)
Faedah diterima		14,983,652	13,101,675	7,043,279	7,116,430
Hasil daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		527,486	2,000	-	-
Dividen bersih diterima		-	-	43,524,000	87,048,000
Aliran tunai bersih daripada/ (digunakan untuk) aktiviti-aktiviti pelaburan		<u>2,089,042</u>	<u>(70,671,839)</u>	<u>50,563,079</u>	<u>84,153,806</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>					
Dividen dibayar		(72,000,000)	(72,000,000)	(72,000,000)	(72,000,000)
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pembiayaan		<u>(72,000,000)</u>	<u>(72,000,000)</u>	<u>(72,000,000)</u>	<u>(72,000,000)</u>

# PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

	<b>Nota</b>	<b>2005 RM</b>	<b>Kumpulan 2004 RM</b>	<b>2005 RM</b>	<b>Syarikat 2004 RM</b>
<b>PERUBAHAN BERSIH TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI</b>		45,927,056	41,952,893	(24,997,864)	8,682,156
<b>TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN</b>	22	<u>491,225,936</u>	<u>449,273,043</u>	<u>243,512,045</u>	<u>234,829,889</u>
<b>TUNAI DAN BERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	22	<u>537,152,992</u>	<u>491,225,936</u>	<u>218,514,181</u>	<u>243,512,045</u>

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2005

## I. MAKLUMAT KORPORAT

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan. Aktiviti-aktiviti utama Kumpulan ialah memberi perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu, Sarawak dan menjalankan perniagaan kemudahan bulking bagi minyak kelapa sawit, minyak makan, minyak sayuran, lemak dan produk-produk yang berkaitan.

Syarikat adalah syarikat awam liabiliti terhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Lot 15, Blok 20, Kemen Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97008 Bintulu, Sarawak.

Bilangan kakitangan dalam Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan adalah seramai 816 (2004: 813) and 3 (2004: 3) orang masing-masingnya.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk diterbit oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah pada 23 Februari 2006.

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah, melainkan sebaliknya dinyata dalam rumusan dasar perakaunan penting.

Penyata kewangan ini mematuhi Piawaian Perakaunan Diluluskan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang berkenaan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia memerlui penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan terhadap jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan, dan penzahiran aset dan liabiliti luarjangka pada tarikh penyata kewangan, dan amaun pendapatan dan perbelanjaan pada tahun kewangan yang dilaporkan. Meskipun anggaran ini adalah berdasarkan pengetahuan pengarah yang sebaik-baiknya tentang peristiwa dan tindakan semasa, namun hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran.

### (b) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya. Subsidiari adalah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap dasar-dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti subsidiari-subsidiari tersebut.

Subsidiari-subsidiari disatukan mengikut kaedah perakaunan pengambilalihan kecuali satu subsidiari yang diambilalih menggunakan kaedah perakaunan penggabungan di mana kos pelaburan dalam buku syarikat direkodkan pada nilai nominal saham diterbitkan. Keputusan subsidiari yang digabung diambilkira seolah-olah penggabungan tersebut telah berlaku sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun-tahun kewangan sebelumnya. Hasil perbezaan kredit dikelaskan sebagai ekuiti dan dianggap sebagai rizab yang tidak boleh diagihkan. Hasil perbezaan debit diselaraskan dengan rizab yang bersesuaian.

Kumpulan telah mengambil peluang daripada pengecualian di bawah MASB 21 "Business Combinations" bagi menerapkan piawaian ini.

Urusniaga dalam Kumpulan, baki dan hasil laba yang belum terealisasi telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan transaksi luaran. Rugi laba belum terealisasi dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak dapat diperolehi semula.

### (c) Muhibah daripada pembelian

Muhibah daripada pembelian merupakan lebihan dari harga belian perniagaan oleh Syarikat subsidiarinya, Bintulu Port Sdn. Bhd., daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu berbanding nilai aset bersih yang diambilalih berdasar pada Perjanjian Penswastaan antara Kerajaan Malaysia, Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Bintulu Port Sdn. Bhd..

## **2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

### **(c) Muhibah daripada pembelian (Sambungan)**

Muhibah daripada pembelian dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai. Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan pengiraan kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan dalam Nota 2(n).

Muhibah daripada pembelian dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaannya selama dua puluh lima tahun.

### **(d) Pelaburan dalam Subsidiari**

Pelaburan Syarikat dalam Syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos setelah ditolak kerugian rosotnilai. Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan pengiraan kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan pada Nota 2(n).

Semasa penjualan pelaburan berkenaan, perbezaan di antara perolehan bersih daripada penjualan dan nilai dibawa dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

### **(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai. Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan pengiraan kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan dalam Nota 2(n).

Kerja dalam perlaksanaan tidak disusutnilai. Susutnilai bagi lain-lain hartaanah, loji dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskirakan kos setiap aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat kegunaannya pada kadar tahunan berikut:

Bangunan dan struktur pelabuhan	atas 22 hingga 25 tahun
Bangunan dan kemudahan bulking	4%
Loji dan peralatan	10% - 20%
Kenderaan bermotor	10% - 20%
Perabot pejabat, kelengkapan dan peralatan	10% - 13%
Kapal	6% - 13%

Apabila hartaanah, loji dan peralatan dilupuskan, perbezaan diantara penerimaan bersih daripada pelupusan dan amaun dibawa akan dicaj atau dikredit ke penyata pendapatan.

### **(f) Hartanah Dalam pembinaan dan Untuk Dijual**

Hartaanah dalam pembinaan dan untuk dijual dinyatakan pada kos, setelah ditolak kerugian rosotnilai terkumpul. Dasar perakaunan untuk pengiktirafan dan pengiraan kerugian kemerosotan nilai adalah seperti dinyatakan dalam Nota 2(n).

### **(g) Penghutang Perdagangan**

Penghutang perdagangan dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penelitian ke atas semua baki yang belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan.

### **(h) Tunai dan Bersamaan Tunai**

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai termasuk tunai di tangan dan baki di bank, deposit jangka pendek kecuali deposit yang dicagar bagi kemudahan perbankan dan pelaburan berkecairan tinggi di mana risiko pertukaran dalam nilai adalah tidak penting.

### **(i) Pemiutang Perdagangan**

Pemiutang perdagangan dinyatakan pada kos di mana nilai saksama pembelian perlu dibayar pada masa akan datang untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

### **(j) Modal Saham**

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti. Dividen atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh ia diisytharkan.

# **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2005**

## **(SAMBUNGAN)**

### **2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

#### **(k) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahun semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangsan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengguna kaedah liabiliti atas perbezaan sementara pada tarikh lembaran imbangsan antara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dikenakan cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna setakat mana keuntungan boleh dicukai terdapat untuk digunakan.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berasaskan kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangsan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan.

#### **(l) Manfaat Pekerja**

##### **(i) Manfaat Jangka Pendek**

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan apabila perkhidmatan berkenaan telah diberi oleh para pekerja daripada Kumpulan. Gantirugi ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti bayaran cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberi oleh para pekerja akan menambah kelayakannya ke atas gantirugi ketidakhadiran masa hadapan dan gantirugi ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

##### **(ii) Skim Penyumbangan Tetap**

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia memberikan sumbangan kepada skim persaraan negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan ini diambilkira sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan.

##### **(iii) Manfaat Persaraan**

Kumpulan mengendalikan Skim Manfaat Persaraan tanpa dana bagi pekerjanya. Manfaat tersebut dibayar berdasarkan gaji akhir yang diterima oleh pekerja dan jumlah tahun perkhidmatan dengan Kumpulan.

Peruntukan dibuat dalam lembaran imbangsan Kumpulan bagi kos manfaat di bawah Skim ini berdasarkan penilaian aktuari sekali setiap tiga tahun dengan menggunakan kaedah unit kredit unjuran. Mengikut kaedah ini, peruntukan manfaat persaraan dicaj ke penyata pendapatan secara sistematis untuk mengagihkan kos ke atas tempoh jangka hayat perkhidmatan pekerja dengan Kumpulan. Obligasi ini dikira pada nilai semasa anggaran aliran tunai jangka diguna berdasarkan pulangan pada tarikh lembaran imbangsan terhadap sekuriti kerajaan yang mempunyai tarikh matang hampir menyamai syarat obligasi Kumpulan.

Laba dan kerugian aktuari berlaku disebabkan perubahan dalam andaian aktuari dan perbezaan diantara andaian aktuari dengan kejadian sebenar. Keuntungan dan kerugian berkenaan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan bagi tempoh baki purata hayat perkhidmatan seseorang pekerja yang menyertai pelan tersebut.

#### **(m) Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan diiktiraf apabila kemungkinan manfaat ekonomi berkaitan dengan transaksi berpindah kepada Syarikat dan amaun pendapatan tersebut boleh dianggarkan dengan munasabah.

##### **(i) Pendapatan daripada operasi pelabuhan**

Pendapatan daripada operasi pelabuhan diiktiraf setelah ditolak rebet berdasarkan asas akruan apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan.

##### **(ii) Pendapatan daripada kemudahan bulking**

Pendapatan daripada penyewaan kemudahan bulking diiktiraf berdasarkan asas akruan.

##### **(iii) Faedah pendapatan**

Pendapatan faedah diiktiraf mengikut dasar pembahagian masa yang menunjukkan pulangan efektif aset tersebut.

## 2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### (m) Pengiktirafan Pendapatan (Sambungan)

#### (iv) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran telah terbukti.

### (n) Kemerosotan Nilai Aset

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, harta tanah, loji dan peralatan, dan lain-lain aset tak semasa, termasuk aset tak ketara, akan diteliti untuk menentukan samada terdapat sebarang petanda kerugian kemerosotan nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjuk bahawa nilai dibawa tidak boleh diperolehi semula. Kerugian rosot nilai diiktiraf untuk amaun di mana nilai bawa aset melebihi amaun yang boleh diperolehi semula. Amaun boleh diperolehi semula adalah nilai tinggi diantara harga jualan bersih aset dengan nilai dalam penggunaan. Amaun boleh diperolehi semula adalah dianggarkan bagi aset individu atau, sekiranya tidak mungkin, bagi unit penghasilan tunai di mana aset dikumpulkan.

Kerugian rosot nilai dicaj ke penyata pendapatan dengan serta-merta. Balikan kerugian rosot nilai yang diiktiraf bagi tahun sebelumnya direkodkan sekiranya ada petanda bahawa kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf bagi aset tersebut tidak wujud lagi, atau telah berkurangan. Balikan ini diiktiraf hingga tahap amaun dibawa aset tersebut dikenalpasti (tolak pelunasan dan susut nilai) jika tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf. Balikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta-merta.

### (o) Sewa pajak

Sewa pajak operasi dikelaskan sebagai sewa pajak aset di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan ditanggung oleh pemilik aset. Bayaran yang dibuat bagi sewa pajak operasi dicajkan kepada penyata pendapatan.

### (p) Peruntukan liabiliti

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa akibat daripada kejadian lampau dan kemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Peruntukan diteliti pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik.

### (q) Instrumen-instrumen kewangan

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan menjadi salah satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan. Instrumen-instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut kandungan perjanjian kontrak berkenaan. Kaedah pengiktirafan instrumen-instrumen kewangan dalam lembaran imbangan dinyatakan secara berasingan dalam dasar perakaunan penting yang berkaitan dengan instrumen masing-masing.

## 3. PEROLEHAN

	2005 RM	Kumpulan 2004 RM	2005 RM	Syarikat 2004 RM
Hasil daripada perkhidmatan pelabuhan yang diberikan	382,894,265	359,670,704	-	-
Hasil daripada penyewaan kemudahan bulking	3,888,987	142,737	-	-
Pendapatan dividen daripada subsidiari	-	-	60,450,000	80,600,000
	<u>386,783,252</u>	<u>359,813,441</u>	<u>60,450,000</u>	<u>80,600,000</u>

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

## 4. LAIN-LAIN PENDAPATAN OPERASI

	2005 RM	Kumpulan 2004 RM	2005 RM	Syarikat 2004 RM
Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan dalam sekuriti bolehniaga, disebut di Malaysia	3,290	-	-	-
Pendapatan faedah	14,699,762	14,174,094	7,113,428	7,237,671
Pendapatan daripada sewa	112,898	98,151	-	-
Keuntungan daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	380,057	-	-	-
Lain-lain	201,128	282,750	-	-
	<u>15,397,135</u>	<u>14,554,995</u>	<u>7,113,428</u>	<u>7,237,671</u>

## 5. KOS STAF

	2005 RM	Kumpulan 2004 RM	2005 RM	Syarikat 2004 RM
